

TAHAP KEFAHAMAN DAN KESEDIAAN RAKYAT PERLIS DALAM MENDEPANI FENOMENA “NEGARA MENUA”

Norhudi'in Danu*, Siti Norayu Mohd Basir, Nor Hafizan Habib Sultan, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz, Noor Salwani Hussin

*Jabatan Bahasa & Pengajian Umum, Fakulti Perniagaan & Komunikasi
Universiti Malaysia Perlis
Kampus UniCITI Alam, 02100 Padang Besar, Perlis, Malaysia*

* norhudin@unimap.edu.my

ABSTRAK

Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Ekonomi membukukan dapatan kajian mereka melalui bancian penduduk Malaysia bagi tahun 2025. Negeri Perlis mendapat tempat keempat dengan mencatatkan 8.5 peratus rakyatnya terdiri dari golongan tua. Secara keseluruhan, Malaysia dijangka berada dalam ambang kritikal “Negara Menua” menjelang 2030 dan perkara ini perlu diberi kefahaman mendalam kepada seluruh rakyat agar lebih bersedia untuk mendepani fenomena peningkatan warga tua. Kertas kerja ini dihasilkan dengan menggariskan objektif utamanya untuk mengkaji tahap kefahaman rakyat Perlis tentang “Negara Menua” atau dikenali sebagai “Ageing Nation”. Cakna tentang perkara ini akan membuka laluan untuk membuat persediaan secara total yang melibatkan individu, keluarga dan pihak kerajaan negeri. Cadangan akan disenaraikan sebagai tindakan yang akan membantu seluruh penduduk dan pentadbiran negeri mengurus fenomena ini dengan berlapang dada, strategik dan bertamadun. Metod kualitatif diguna pakai dalam kajian ini dengan mengetengahkan pelbagai kaedah seperti temubual, perbincangan kumpulan fokus (FDG), pemetaan kolaboratif dan membuat tinjauan setempat. Penemuan kajian mendapati, rakyat Perlis masih belum terdedah tentang perkara ini dan kerajaan negeri juga belum menaik taraf sepenuhnya perkhidmatan yang diperlukan oleh penduduk tempatan sebagai persediaan mendepani fenomena peningkatan warga tua di negeri ini. Banyak kemudahan awam, perkhidmatan pusat jagaan dan aktiviti untuk warga tua perlu diperhebat agar hari tua penduduk tempatan lebih terjaga dan bermakna.

Kata Kunci: Fenomena Negara Menua, Kefahaman Tentang Warga Tua, Kesediaan, Tindakan & Perlis.

PENGENALAN

Malaysia diramal mencapai status negara menua menjelang 2036, ramalan ini mengambil kira penuaan penduduk yang disifatkan sebagai satu fenomena yang mana warga tua merupakan populasi terbesar dari jumlah keseluruhan penduduk iaitu melebihi 15 peratus (Ageing in the Twenty-First Century, United Nations, 2012). Berdasarkan bancian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2022 mendapati peningkatan sebanyak 15.3 peratus penduduk berusia 60 tahun keatas, begitu ketara peningkatannya (Siti Nor Awang). Malaysia menetapkan kategori warga tua bagi rakyat Malaysia adalah pada usia 60 tahun setelah mengambil kira beberapa faktor utama seperti tahap kesihatan yang meliputi fizikal, mental dan emosi individu. Perkara ini menjadi penyumbang terbesar kepada implikasi dan kemampuan bekerja rakyat pada usia begini. Sudah pasti Perlis tidak terlepas dengan fenomena ini. Paling mengejutkan adalah hasil bancian 2025 mendapati Perlis merupakan negeri keempat tertinggi di Malaysia yang mempunyai tahap kependudukan warga tua berbanding tahun sebelumnya. Lima negeri yang disenaraikan berada di tangga teratas adalah Perak (10.3%), Kedah (9.4%), Sarawak (9.1%), diikuti oleh Perlis (8.5%) dan Pulau

Pinang (8.4%). Tata susunan warga Malaysia yang berumur lebih 60 tahun dan berumur 65 tahun dan lebih merekodkan peningkatan pada setiap tahun. Berpanduan kepada unjuran penduduk 2020-2060, Malaysia dijangka mengalami penuaan penduduk sekitar tahun 2036 kerana penduduk berumur 60 tahun dan keatas melebihi 15 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Rekod 2025 mencatatkan peningkatan sebanyak 0.2 juta (0.4%) berbanding tahun sebelumnya (Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Ekonomi, 2025).

Jadual 9.1 Kedudukan tertinggi kumpulan warga tua mengikut negeri di Malaysia bagi tahun 2025



Negeri	%
1. Perak	10.3
2. Kedah	9.4
3. Sarawak	9.1
4. Perlis	8.5
5. Pulau Pinang	8.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Ekonomi.

Kertas kerja ini terdorong dari dapatan analisis bacian penduduk yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2025. Penyaluran maklumat dan kadar kajian yang rendah di Perlis menjadikan tahap kesedaran, keprihatinan dan sekaligus memberi impak kepada ketidaksediaan penduduk tentang perkara ini agak merunsingkan. Akhirnya ia hanya akan memberi implikasi buruk kepada seluruh warga Perlis dan juga kerajaan negeri. Hakikatnya, kajian mengenai penuaan aktif ini masih kurang dilakukan dan banyak kelongsongan yang perlu dikaji, ditambah baik dan disebarkan khususnya di Malaysia. Kertas kerja ini dihasilkan dengan menggunakan pendekatan kaedah kualitatif dengan tujuan untuk mengetengahkan satu perspektif yang komprehensif melalui perbincangan yang bertujuan untuk memberi kefahaman tentang isu ini dan terus bersiap siaga mendepani cabaran “Negara Menua” menjelang 2036. Berdasarkan temubual yang dijalankan secara individu dan perbincangan berkumpulan yang dilakukan secara rawak dari kalangan ahli masyarakat yang terpilih mampu menyelami jiwa warga tempatan yang menjangkau usia dewasa hingga tua. Warga emas bukan untuk disisih dan dipersiapkan tetapi mereka adalah golongan yang perlu dimanfaatkan ilmunya dan diraikan pengalamannya yang sangat bernilai untuk generasi seterusnya.

KAJIAN LITERATUR

Menurut United Nations World Assembly on Ageing di Vienna, kategori warga tua atau di Malaysia lebih dikenali sebagai warga emas (golongan yang perlu diberi perhatian), mereka adalah individu yang berumur 60 tahun dan lebih (United Nations, 1982). Peningkatan populasi warga tua di seluruh dunia adalah satu fenomena global yang perlu dikawal selia dengan baik terutamanya di negara maju seperti Jepun, United Kingdom, Amerika Syarikat dan lain-lain. Malaysia juga tidak terlepas dari fenomena negara menua apabila peningkatan populasi warga yang berusia 60 tahun dan lebih, meningkat saban tahun. Peningkatan jumlah warga tua seantero dunia dipengaruhi oleh banyak faktor. Namun pendapat WHO ada menyatakan bahawa faktor utama peningkatan golongan warga tua di kebanyakan negara adalah hasil menaik taraf sistem kesihatan awam secara rancak dan menyeluruh menjelang Abad ke 20 adalah sesuatu yang mempunyai kebenaran (WHO, 2011).

Langkah drastik kerajaan Malaysia mengenai fenomena ini adalah dengan mewujudkan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan memperkenalkan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN). Dua perkara ini telah digubal dan diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011. Tujuannya adalah untuk memelihara aspek kebajikan dan keperluan golongan warga emas. DWEN menonjolkan komitmen dan keprihatinan Kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimalkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara (Portal Rasmi, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, 2025). Penggubalan DWEN ini diadaptasi dari prinsip-prinsip yang telah digariskan oleh PBB ke atas warga emas menerusi *Madrid International Plan of Action on Ageing* (MIPAA). Tujuh prinsip telah digariskan iaitu; (i) menggunakan pendekatan perkembangan sepanjang hayat; (ii) mengiktiraf hak untuk mendapat keperluan asas yang berkualiti; (iii) mengutamakan kesaksamaan peluang untuk mengakses pelbagai sumber; (iv) meningkatkan martabat diri dan berdikari; (v) mengeratkan hubungan antara generasi; (vi) meningkatkan penyertaan dan penglibatan; dan (vii) mengukuhkan kerjasama dan perkongsian tanggungjawab (WHO, 2015). Dasar ini merupakan payung utama kepada penyediaan perkhidmatan dan kemudahan warga tua di seluruh tanahair. Rentetan itu Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Kebangsaan diwujudkan sebagai suatu pelan pelaksanaan dasar berkaitan warga tua dan penuaan penduduk (Nur Zulfah Md Abdul Salam, 2022).

Dalam buku *Economic and Social Survey Of Asia and The Pacific* (ESCAP) yang telah diterbitkan pada 2022, telah bersepakat dan bersetuju dengan apa yang telah digariskan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu memberi penekanan kepada kumpulan warga tua yang masih aktif dengan memperkenalkan *Active Aging: a Policy Framework*. Kerangka polisi penuaan aktif ini telah mengenal pasti dan menetapkan enam penentu utama penuaan aktif iaitu melalui penguasaan ekonomi, persembahan tingkah laku, keperibadian, kehidupan sosial, tahap kesihatan, penawaran perkhidmatan kesihatan, dan persekitaran fizikal. Prinsip-prinsip ini telah dipersetujui di *Madrid International Plan of Action on Ageing* (MIPAA, 2002) dan ia telah berjaya mempengaruhi beberapa negara termasuk Malaysia dalam usaha mengorak langkah membuat persediaan bagi menghadapi situasi sebenar "Negara Menua" menjelang tahun 2030 (Economic and Social Survey Of Asia and The Pacific, 2022).

Bagi menghadapi situasi ini, pihak kerajaan, swasta dan semua ahli masyarakat perlu bergandingan untuk menghadapi dan mendepani fenomena ini dengan merangka pelan tindakan yang lebih mampan serta mengaplikasikannya mengikut keperluan semasa. Faktor paling penting adalah berkenaan penjagaan kesihatan dan bagaimana kaedah terbaik untuk golongan warga tua ini tanpa mengira kategori individu (pencen kerajaan atau sebaliknya). Kajian Aida Jaffar bersama rakan-rakannya yang bertajuk *A Mixed-Method Study Protocol on Financing Health in an Ageing Nation: Developing a Healthcare Sustainability Index for Pensioned and Non-Pensioned Military Veterans in Malaysia, 2025*, menyatakan penemuan mereka tentang kesejahteraan warga tua di Malaysia mempunyai jurang yang ketara dari segi kemampuan penjagaan kesihatan, perkhidmatan kemudahan yang "double standard", antara golongan yang berpencen dan tidak berpencen di negara ini. Justeru mekanisme pembiayaan kerajaan, perlindungan kesejahteraan veteran, dan peningkatan daya tahan keseluruhan sistem kesihatan Malaysia dalam menghadapi penuaan demografi perlu diteliti semula dan ditambah baik agar tidak berlaku keciciran dikalangan rakyat.

Jika menghuraikan tentang perhatian tanpa sebarang keciciran, ia melibatkan semua rakyat bandar dan juga luar bandar, semanjung mahu pun borneo, dari utara hinggalah ke selatan tanahair. Ini bermakna negeri Perlis yang berada jauh di utara semenanjung Malaysia dan bersempadanan dengan selatan Thailand juga tidak boleh diabaikan haknya. Perkara ini semua akan memberi kesan kepada emosi terutama warga tua yang umum sendiri ketahui bahawa tahap sensitif emosi warga tua itu sangat tinggi. Tesis Zarina Binti Saad (2010) ada menyentuh tentang perkara-perkara yang mempengaruhi tahap kecerdasan emosi dan

spiritual warga tua yang akan memberi kesan kepada tahap kesihatan mereka. Kajian ini telah dijalankan di Perlis. Zarina menyimpulkan, faktor demografi penduduk, memainkan peranan besar pada tahap kecerdasan emosi dan spiritual warga tua di negeri Perlis. Tahap emosi dan spiritual warga tua lelaki lebih baik dan terkawal berbanding dengan warga tua dari kalangan wanita. Manakala warga tua yang berpendidikan juga kelihatan lebih tenang dan gembira melalui hari-hari tua mereka berbanding warga tua yang kurang berpendidikan atau tidak bekerjaya.

Maka tidak hairanlah, melalui penemuan kajian yang dilakukan oleh Muhammad Khairul Ismail (2018), kebanyakan peniaga di Pasar Besar Sena, Perlis adalah terdiri dari golongan warga tua yang telah berpenecen. Golongan ini kekal gigih bekerja dan mencari rezeki walau dalam usia emas kerana atas tujuan menyara keluarga, mencari pendapatan tambahan untuk memenuhi keperluan semasa yang semakin mendesak dan menambah simpanan hari mendatang bagi tujuan kelangsungan hidup selepas tidak mampu bekerja lagi. Rumusan berdasarkan kajian-kajian yang melibatkan warga tua atau warga emas, telah banyak dilakukan seantero dunia atas dasar keprihatinan dan cakna berkenaan isu ini. Namun ia masih lagi dikategorikan sebagai kajian terpencil di negeri Perlis dan perlu lebih banyak penerokaan yang memberi impak positif kepada negeri ini sekaligus boleh diguna pakai sebagai rujukan.

OBJEKTIF KAJIAN

Menurut WHO, dalam buku *Active Ageing, A Policy Framework* menyatakan:

In all countries, and in developing countries in particular, measures to help older people remain healthy and active are a necessity, not a luxury.

Membantu warga tua untuk kekal sihat, aktif dan memberi manfaat kepada masyarakat adalah tanggungjawab bersama. Justeru adalah sangat penting semua ahli masyarakat, pihak kerajaan dan badan swasta memahami fenomena ini sebaiknya. Memandang kajian berkenaan negara menua atau "*Ageing Nation*" kurang popular dan tidak diketengahkan oleh ahli akademik dan pengkaji tempatan di Perlis. Maka tanggungjawab ini perlu dilunaskan bagi memberi pendedahan kepada warga tempatan, kerajaan tempatan dan badan-badan swasta mahu pun NGO berkenaan perkara ini. Objektif utama kajian ini adalah untuk memberi kefahaman dan penjelasan kepada warga tempatan tentang fenomena "Negara Menua" yang sedang berlaku di negeri ini khususnya dan seluruh negara serta dunia amnya. Kajian ini juga adalah untuk menganalisa tahap kesediaan penduduk dari semua lapisan umur dan kategori masyarakat dalam perjalanan meniti fenomena negara menua. Pemahaman yang mendalam mengenai perkara ini akan menjadikan seluruh warga lebih bersedia mendepaninya dengan berlapang dada seperti sudah menyediakan payung sebelum hujan. Hasil dapatan kajian pula akan disimpulkan dengan menyenaraikan peranan dan pelan tindakan yang bersesuaian untuk menghadapi fenomena ini memandangkan Perlis merupakan negeri keempat tertinggi populasi warga tua di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan sepenuhnya data-data, maklumat, laporan, bahan bacaan, jurnal dan temuramah bersama warga tempatan. Perbincangan kumpulan berfokus (FGD) telah digunakan untuk mendapat maklumat berkaitan tahap kesedaran dan pengetahuan tentang "Fenomena Negara Menua" yang sedang dihadapi di negeri ini. Selain dari mendekati penduduk tempatan melalui temuramah tentang tahap kesediaan penduduk menjalani serta mengharungi fenomena ini secara profesional dan teratur tanpa meremehkan keperluan-keperluan tertentu terutamanya kepada warga tua. Pendekatan ini membolehkan pengkaji berinteraksi dan berbincang tentang topik yang dibincangkan secara bebas, serta sesuai digunakan dalam pelbagai konteks kajian (Krueger & Casey, 2015; Morgan, 1997). FGD ini melibatkan 50 orang penduduk tempatan dari golongan umur pertengahan dan umur tua yang dipilih secara rawak sama ada lelaki atau perempuan. Sebelum sesi FGD ini dilakukan, penyelidik terlebih dahulu telah membuat lawatan untuk membina hubungan baik dengan warga tempatan agar tidak wujud jurang yang boleh menyebabkan kesangsian dan ketidakselesaan untuk terus ke proses seterusnya serta memastikan semuanya berjalan lancar.

SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan parameter dan batasan yang khusus bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai sepenuhnya. Justeru skop kajian ini dibahagikan kepada empat komponen utama:

Skop geografi atau kedudukan negeri Perlis

Perlis adalah sebuah negeri yang terletak paling utara semenanjung Malaysia. Perlis juga merupakan negeri paling kecil dengan populasi penduduk pada tahun 2025 adalah seramai 298 ribu merangkumi tiga parlimen iaitu Kangar, Arau dan Padang Besar. Dalam masa yang sama Perlis telah mencatatkan kadar penuaan penduduk terpanjang dan menduduki tangga keempat tertinggi di Malaysia (mencapai 8.5% pada tahun 2025).

Skop Responden (Populasi dan Sampel)

Sasaran demografi responden bagi menjayakan kajian ini adalah terdiri daripada penduduk tempatan yang berada pada golongan umur pertengahan dan umur tua. Kaedah kualitatif yang digunakan adalah dengan mengadakan temu ramah secara berkumpulan (FGD). Seramai 50 orang tempatan telah dipilih secara rawak dari setiap kawasan dan dipilih secara rawak samada lelaki atau perempuan tanpa mengira status dan kedudukan pengenalan diri. Kriteria inklusi penduduk tempatan yang melibatkan warganegara Malaysia yang menetap di Perlis dan tidak mempunyai rancangan untuk bermigrasi keluar dalam masa terdekat. memandangkan Perlis sedang mengalami situasi kekurangan penduduk akibat trend migrasi keluar golongan muda.

Skop Pemboleh Ubah (Konseptual Kajian)

Kajian ini menghadkan ukurannya kepada dua pemboleh ubah utama berdasarkan *Active Ageing Framework* oleh WHO: (WHO, 2002)

- Tahap kefahaman masyarakat yang akan mengukur sejauh mana pendedahan, kesedaran dan pengetahuan rakyat Perlis mengenai fenomena "Negara Menua" menjelang 2030 dari segi implikasi, takrifan dan pengetahuan berpanduan kepada unjuran statistik yang diperolehi dari bancian penduduk, Jabatan Perangkaan.

- Tahap kesediaan masyarakat tempatan sama ada dari lingkungan umur tua dan juga pertengahan, pihak kerajaan negeri, badan swasta dan NGO tempatan dalam usaha menghadapi fenomena ini. Kajian ini akan menilai kesiapsiagaan responden dari segi sokongan sosial & penjagaan warga tua. Semua pihak perlu bersedia menghadapi peningkatan permintaan terhadap pusat jagaan dan pengisian aktiviti hari tua untuk memenuhi keperluan sosial masyarakat. Selain itu, perkhidmatan kesihatan dan keperluan fizikal seperti kemudahan rawatan hospital, kemudahan infrastruktur awam dengan mengadaptasikan 'Bandar Mesra Warga Emas' tanpa mengabaikan perkembangan ekonomi dan sumber kewangan peribadi dan kerajaan tempatan agar segala proses harian berjalan lancar.

Skop Tempoh Masa Kajian

Kajian ini berlatarkan analisis trend dan data kependudukan dalam fasa kritikal peralihan demografi Malaysia, dengan penekanan data sekitar tahun 2021 hingga 2026. Data penuaan semasa dinilai menggunakan unjuran dan kemaskini statistik sehingga tahun 2025/2026.

KONSEP TEORITIKAL



Gambar rajah 10.1. Konsep teoritikal yang diguna pakai untuk menjayakan kajian ini.

PENYATAAN MASALAH

Peralihan demografi Malaysia ke arah status "Negara Menua" (*Ageing Nation*) menjelang tahun 2030 dan akan lebih ketara pada 2036 merupakan suatu realiti yang tidak dapat dielakkan. Ia adalah satu fenomena yang perlu dihadapi oleh kebanyakan negara seluruh dunia terutamanya negara yang sedang menuju negara maju. Di Malaysia, berdasarkan kepada data bancian penduduk yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, mengesahkan bahawa kecenderungan negara ini amatlah tinggi ke arah 'Negara Menua'. Ini kerana WHO telah menetapkan, sesebuah kawasan diklasifikasikan sebagai komuniti menua

apabila populasi berumur 60 tahun ke atas mencecah 15% daripada jumlah keseluruhan penduduk. Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang ketara saban tahun dan Perlis merupakan negeri keempat tertinggi populasi penduduk warga tua dengan kadar penuaan sebanyak 8.5 peratus. Walaupun fenomena ini memberi kesan secara nasional, impaknya adalah lebih kritikal di peringkat wilayah (negeri), khususnya di negeri Perlis.


Angka yang signifikan ini meletakkan Perlis dalam fasa peralihan yang amat mencabar dan menyeru semua warganya agar bersedia menghadapi fenomena ini dalam segenap hal. Namun di sebalik kepantasan unjuran statistik ini, wujud beberapa jurang (*gaps*) kritikal yang menjadi asas kepada pelaksanaan kajian ini:

- **Kurangnya kesedaran dan pengetahuan awam** berkenaan isu ini dan ia kurang diperbincangkan mahu pun diperdebatkan di negeri Perlis. Ini kerana, sejak dulu negeri Perlis dikenali sebagai 'Negeri Orang Pencen' kerana struktur geografi dan sosio ekonominya yang jauh dari arus kemodenan. Kajian ini cuba membawa perbincangan kelompok terfokus (FGD) di peringkat awal kajian dengan pendedahan dan kesedaran rakyat Perlis yang hakikatnya masih pada tahap yang rendah mengenai implikasi sebenar fenomena "Negara Menua". Ramai dikalangan masyarakat yang beranggapan isu penuaan sebagai isu terpencil, tanpa memahami impak rantai terhadap sosio ekonomi tempatan, struktur keluarga, dan kelestarian pasaran buruh masa hadapan.
- **Ketidakseimbangan migrasi penduduk** di Perlis menjadikan keadaan semakin parah, ekoran trend migrasi keluar (*out-migration*) iaitu golongan muda yang berpindah ke bandar-bandar besar bagi tujuan melanjutkan pengajian atau mencari peluang pekerjaan yang lebih besar pulangnya. Akibatnya, Perlis bukan sahaja mengalami pertumbuhan populasi yang perlahan, malah mengalami kelonggaran struktur sokongan keluarga tradisional yang mana warga tua ditinggalkan tanpa penjaga utama.
- **Kelemahan infrastruktur dan sokongan sosial** masih ditahap yang membimbangkan kerana dari aspek kesiapsiagaan struktur fizikal, kemudahan perkhidmatan pusat jagaan, pengisian aktiviti hari tua dan prasarana awam di negeri Perlis masih banyak yang belum dinaik taraf untuk mengharungi gelombang peningkatan warga tua ini. Ketidakterselesaian infrastruktur sedia ada dengan keperluan mobiliti warga emas berisiko akan menjejaskan kualiti hidup masyarakat sekaligus akan membantutkan pelaksanaan agenda "Bandar Mesra Warga Emas".
- **Isu kesihatan dan kewangan hari tua** merupakan perkara paling kritikal yang perlu diperhalusi secara mendalam. Selaras dengan *Active Ageing Framework* oleh WHO, penuaan yang sihat memerlukan kesediaan yang mampan dari segi penguasaan ekonomi (simpanan hari tua) dan akses perkhidmatan kesihatan. Tahap kesediaan kewangan yang lemah dalam kalangan masyarakat tempatan, ditambah pula dengan kekangan fasiliti rawatan hospital yang belum dinaik taraf, akan memberi tekanan berganda kepada sistem kesihatan awam kerajaan negeri.

Kegagalan dalam memahami isu fenomena global ini akan menjadi kayu ukur utama dalam menilai tahap kesiapsiagaan warga tempatan dalam mengharungi fenomena 'Negara Menua'. Amat penting bagi seluruh rakyat Perlis untuk peka dengan penggubalan polisi, program intervensi, mahupun pelan tindakan tempatan (seperti pelaksanaan DWEN & PTWEN) agar kehidupan seterusnya walau berada di usia emas, namun ia tetap penuh makna dan sejahtera. Oleh itu, satu kajian empirikal yang khusus perlu dijalankan bagi menilai sejauh mana komuniti di Perlis bersedia dari sudut mental, sosial, fizikal, mahupun kewangan dalam mendepani era transformasi penuaan yang kian menghampiri realiti sebenar masyarakat tempatan di Malaysia amnya dan negeri Perlis khasnya.

DAPATAN KAJIAN

Kesan langsung peningkatan bilangan warga emas di seluruh dunia menyebabkan permintaan tinggi terhadap penjagaan sosial dan kesihatan kepada golongan warga emas, dan ini menyebabkan masyarakat secara global mula mempromosikan dan memberi tumpuan kepada penuaan aktif. Sehubungan itu WHO telah mengambil pendekatan yang lebih komprehensif dengan memperkenalkan program 'Bandar Mesra Warga Emas' (WHO, 2007).



Gambar rajah 10.2. Populasi Penduduk di Peringkat Global (WHO, 2002).


Pertambahan warga tua secara drastik dan konsisten telah mengakibatkan peralihan demografi penduduk iaitu *baby boom* kepada *elderly boom* (Aris Ananta & Evi Nurvidya, 2009). Keadaan ini juga digelar sebagai *Floridization of The World* kerana ia telah merangsang pemikiran dan tindakan masyarakat dan tempat. Kesan ini telah mengakibatkan satu kebimbangan besar kepada rakyat. Berdasarkan satu kajian dari firma penyelidikan pasaran Ipsos Sdn Bhd (Ipsos) telah menyatakan negara Malaysia menduduki tangga keempat dari 29 buah negara di kalangan rakyat yang sedang meniti usia tua selepas Brazil, China dan Rusia. Maka amat wajar seluruh warganegara lebih cakna tentang hal ini dan sentiasa bersedia menghadapi fenomena ini.

Analisis data yang dijalankan daripada lebih 50 orang responden dari seluruh negeri Perlis dengan lingkungan umur 30 hingga 70 tahun, mendapati bahawa kebanyakan ahli masyarakat tidak peka dengan peningkatan warga tua di negeri ini. Selain dari kurangnya pengetahuan tentang fenomena "Negara Menua". 45.2 peratus dari mereka tiada maklumat dan kefahaman tentang perkara ini terutamanya mereka yang terdiri dari kalangan individu yang tidak bekerja. Peratusan ini akan memberi kesan kepada tahap kesediaan masyarakat dalam menangani hari tua dengan lebih proaktif. Lebih mengkusarkan lagi adalah apabila kerajaan memperkenalkan dasar untuk dilaksanakan demi kepentingan rakyat dan negara, namun ia ibarat tersimpan rapi di dalam almari berkunci kerana perkara ini tidak sampai ke pengetahuan rakyat. Tidak sampai maka tidaklah mereka memanfaatkannya. Begitulah yang terjadi di Perlis, 60.9 peratus rakyat negeri ini tidak cakna tentang Dasar Warga Emas Negara (DWEN) atau Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN). Ini berlaku akibat dari teknik hebahan yang lemah walaupun dunia hari ini seperti dihujung jari.

Agensi yang terlibat seperti KPWK dan LPPKN perlu lebih aktif mempromosikan dengan tujuan memberi didikan sebagai langkah persediaan awal dalam menghadapi hari tua. Pendedahan secara meluas akan membuka minda rakyat tentang peri pentingnya pengurusan kesihatan diri, kewangan bagi menghadapi hari selepas berpencen, menambah baik kemahiran dan membina psikologi yang sihat agar hari tua lebih bermakna dan sejahtera.

Penemuan kajian ini menunjukkan 97.1 peratus rakyat Perlis mendesak pihak kerajaan, swasta, badan NGO, individu dalam setiap lapisan masyarakat untuk mengambil tindakan lanjut yang sewajarnya bagi persediaan mendepani fenomena "Negara Menua" dengan cara yang lebih baik.

Berdasarkan pengetahuan anda tentang perkara ini. Adakah wajar kerajaan negeri Perlis mengambil tindakan lanjut berkenaan fenomena "Negara Menua" ini?
69 responses



Gambar rajah 10.3. Hasil kaji selidik yang mendesak pihak kerajaan perlu mengambil tindakan sewajarnya sebagai persediaan menghadapi fenomena "Negara Menua".


Desakan ini berlaku kerana 80 peratus penduduk Perlis tidak bersedia untuk ditempatkan di Pusat Jagaan Orang Tua sama ada di bawah seliaan kerajaan, swasta mahupun badan sukarela. Majoritinya mahu kekal dirumah sendiri dan berada di bawah jagaan anak-anak atau ahli keluarga terdekat. Oleh itu pihak kerajaan tempatan perlu berusaha meransang ekonomi dengan lebih pesat agar migrasi anak-anak muda ke ibu kota dapat dikawal kerana peluang pekerjaan yang luas di negeri sendiri. Hasil kajian juga mendapati, anak-anak muda di negeri ini masih tinggi nilai moral dan kasih sayangnya, namun terpaksa berpindah ke luar atas tujuan bekerja dan meningkatkan taraf ekonomi keluarga.

Manakala dari segi sosial dan kemudahan awam pula, 80.6 peratus responden berpendapat bahawa kerajaan negeri dan PBT perlu lebih pantas menaik taraf kemudahan awam agar dapat dimanfaatkan oleh golongan warga tua yang kian meningkat di negeri ini. Kemudahan infrastruktur pejalan kaki dan aksesibiliti untuk laluan pejalan kaki dan mesra kerusi roda, pemegang jalan serta kemudahan tambahan seperti lampu isyarat khas. PBT juga perlu berusaha memperbanyakkan tempat persinggahan (pit stop) yang dilengkapi dengan kemudahan tandas awam yang lengkap dengan ciri keselamatan dan menambah peralatan untuk tujuan senaman ringan di pusat-pusat rekreasi awam yang sesuai diguna pakai oleh warga emas.

Walaupun majoriti dari penduduk tidak bersedia untuk ditempatkan di Pusat Jagaan Orang tua, namun mereka lebih mengharapkan wujudnya perkhidmatan jagaan di rumah dan wujud pusat aktiviti harian. Perkara ini dijangka akan mampu menghasilkan lebih banyak hormon kegembiraan yang merangsang otak warga tua apabila mereka boleh kekal beraktiviti dan bersosial mengikut kudrat dan keperluan hari tua mereka. Tiada kongkongan seperti di Pusat Jagaan tetapi kekal positif ketika berada di pusat aktiviti warga tua sementara anak-anak keluar mencari rezeki. Pusat aktiviti ini bukan sahaja di bandar, malah di luar bandar juga. Selain itu responden juga mencadangkan agar menyediakan perkhidmatan bergerak bagi tujuan penjagaan warga tua di kawasan kampung. Sebagai tanda terima kasih dan sokongan kerajaan kepada warga emas, sistem keutamaan dan sokongan perlu diwujudkan terutamanya di pejabat-pejabat kerajaan mahupun swasta dengan menyediakan laluan khas atau sistem giliran yang memberi keutamaan kepada warga emas. Penyediaan parkir khas untuk kegunaan warga emas juga perlu diambil kira agar dapat mengelak dari sebarang kemungkinan yang bakal mengundang bahaya kepada mereka. Permintaan tentang perkara ini amatlah tinggi sehingga mencapai 94.3 peratus.

Adakah anda bersetuju bahawa Perlis memerlukan lebih banyak pusat aktiviti khusus untuk warga emas bagi mengelakkan mereka disisih daripada komuniti?

70 responses



Gambar rajah 10.4. Permintaan warga Perlis untuk memperbanyakkan Pusat Aktiviti warga emas.

Elemen lain yang perlu diberi perhatian serius adalah kesihatan rohani dan fizikal untuk mengelak dari berlakunya kemurungan di usia emas. Dengan menaik taraf prasarana awam seperti trek jogging, peralatan senaman ringan di taman-taman rekreasi, semua agensi perlu mengambil peranan untuk memperbanyakkan aktiviti bersama seperti tai chi, poco-poco dan apa sahaja aktiviti yang bersesuaian dengan kekuatan fizikal warga emas di kawasan terbabit. Program-program pengisian rohani juga perlu diperbanyak dan diperluaskan lagi. Bukan sahaja untuk warga tua tapi untuk seluruh ahli masyarakat melalui program pengimaran masjid. Tidak tertumpu kepada kelas-kelas agama sahaja tetapi aktiviti lain seperti masak bubur asyura, program iftar bersama dan penganjuran program-program yang lebih santai bertujuan untuk melebarkan interaksi sosial sesama ahli masyarakat.

Di Perlis sendiri, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) itu telah wujud, hanya perlu diaktifkan lagi dengan memperbanyakkan kelas-kelas agama secara fizikal dan juga dalam talian. Penganjuran aktiviti perlu ditambah baik supaya tidak tertumpu kepada kelas-kelas agama sahaja tetapi menganjurkan juga program-program bercorak pendidikan semasa dan pengurusan emosi serta psikologi. Ini akan menjadikan warga emas rasa lebih dihargai dan masih mempunyai ruang untuk menyumbang bakti kepada masyarakat dan pastinya mereka bukanlah kumpulan yang disisirkan dan ketinggalan dari arus pembangunan negeri. Lebih menarik lagi, jika mereka juga didedahkan dengan aktiviti perusahaan kecil berkelompok, aktiviti pertanian, sulaman dan jahitan untuk memastikan warga emas kekal proaktif mengikut kemampuan dan kapasiti mereka di sebuah kawasan kediaman yang “Mesra Warga Emas”.

Berbeza pula dengan tahap kesediaan warga emas berkaitan pengurusan kewangan. Kebanyakan dari responden bersedia dan membuat perancangan awal agar usia emas mereka tidak bergantung harap kepada anak, keluarga terdekat, orang sekeliling mahupun kerajaan. 80.3 peratus warga emas di Perlis telah mempunyai perancangan ekonominya yang tersendiri selepas berpencen. Ini mungkin faktor dorongan migrasi anak muda keluar Perlis menjadi golongan warga emas lebih berhati-hati dalam pengurusan kewangan agar tidak merasa lelah dikemudian hari. Tambahan pula kos sara hidup di negeri ini masih lagi rendah jika dibandingkan dengan kehidupan di bandar-bandar besar. Aktiviti pertanian juga banyak dilakukan dari kalangan mereka yang sudah berpencen. Namun mereka tetap memerlukan sistem sokongan yang kuat dari semua pihak terutamanya apabila diuji dengan kesakitan.

Jelas disini, fenomena “Negara Menua” bukanlah sesuatu yang baru bagi semua ahli masyarakat di negeri Perlis. Namun mereka juga tidak menyangka tahap keseriusan populasi warga tua di negeri ini agak tinggi. Maka dengan ada kajian ini akan dapat membantu menyebarkan kepada umum bahawa hari tua itu adalah pasti dan tidak perlu ditakuti, hanya perlu mempersiapkan diri dan sentiasa bersama menyokong agensi-agensi kerajaan negeri dan pusat, badan-badan sukarela, agensi swasta, institusi pengajian tinggi dan juga

masyarakat sekitar agar kebersamaan yang harmoni akan mampu memberi kehidupan yang lebih bahagia dan sejahtera.

CADANGAN PELAN TINDAKAN

Kedudukan geografinya yang jauh dari pentadbiran pusat negara tidak boleh dijadikan alasan untuk membiarkan negeri Perlis terpencil dan ketinggalan dari semua aspek pembangunan dan penyebaran maklumat. Dalam kemajuan dunia teknologi serba canggih, tiada istilah ketinggalan kepada semua warganegara samada dalam dan luar bandar. Apa yang perlu dikenal pasti oleh pihak kerajaan adalah gaya penyampaian dan pelan tindakan yang hendak dilakukan perlu sesuai dan dekat dengan hati rakyat. Dengan erti kata lain, segalanya perlu mengikut keperluan dan kesesuaian masyarakat setempat. Maka amat penting kerjasama yang erat antara kerajaan pusat dan kerajaan tempatan agar segala usaha yang dijalankan bukanlah satu yang sia-sia dan segala prasarana pembangunan tidak menjadi seperti projek gajah putih sahaja. Kajian ini menggariskan beberapa pelan tindakan yang bersesuaian dengan keperluan masyarakat negeri Perlis.

Tindakan Kerajaan Pusat

Mengambil cakna keperluan semasa dan mendepani cabaran masa depan, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) perlu mengambil langkah drastik melalui kajian semula Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) 2011 dengan memfokuskan kepada peningkatan daya upaya masyarakat menghadapi hari tua. Ini sebagai tanda sokongan penuh dan keprihatinan pihak kerajaan kepada seluruh masyarakat agar lebih bersedia menghadapi fenomena "Negara Menua" dengan lebih tenang, efektif, berdaya maju dan sejahtera. Dasar dan Pelan Tindakan ini, perlu melaksanakan program dan aktiviti warga emas secara berkelompok dan melibatkan kebersamaan pihak agensi-agensi kerajaan, pertubuhan sukarela kebajikan, masyarakat tempatan, pihak swasta dan individu. Mempergiatkan aktiviti berbentuk sosial dan rekreasi, latihan kemahiran yang bersesuaian mengikut kemampuan fizikal warga emas, peningkatan penajaan ekonomi dan penerapan lebih banyak nilai-nilai moral dan ketuhanan. Selain itu, pelan tindakan ini juga perlu memberi keutamaan kepada isu perumahan (tempat tinggal yang kondusif), kesihatan awam yang sentiasa terpelihara, serta memperbanyakkan penyelidikan berkaitan penuaan serta melancarkan publisiti umum demi kesejahteraan warga emas (Pelan Tindakan Warga Emas Negara, 2011 & Rozanah, 2022).

Melalui Dasar Warga Emas Negara (DWEN), satu lagi dasar telah bentuk iaitu Dasar Kesihatan Warga Emas pada tahun 1977. Tujuan pembentukan dasar ini adalah untuk memastikan seluruh warga emas mendapat tahap kesihatan yang baik, sentiasa aktif dan produktif. Kerajaan juga berusaha memperkasakan warga emas dan kumpulan sokongan yang terdiri dari kalangan ahli keluarga dan komuniti setempat dengan pelbagai pengetahuan, kemahiran dan persekitaran yang mampu menjamin tahap keselesaan yang optimum kepada warga emas agar mereka menjadi golongan yang kekal memberi impak positif kepada negara melalui cara dan kemampuannya yang tersendiri. Dasar Kesihatan Warga Emas ini bukan sahaja diterapkan di Malaysia tetapi ia adalah dasar yang diguna pakai di peringkat antarabangsa. Penglibatan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menyediakan dasar ini adalah bertujuan untuk memastikan penjagaan kesihatan warga tua negara sentiasa terpelihara. Berteraskan konsep "*Healthy Ageing*" yang menggariskan kerangka dan pendekatan kesihatan awam dalam jagaan kesihatan warga emas yang mensasarkan tiga kumpulan warga emas iaitu kumpulan yang mencapai tahap keupayaan optimum untuk hidup dengan sihat, aktif dan berdikari bagi warga emas yang sihat fizikal dan mental (*high and stable capacity*), kumpulan yang mengekalkan kesihatan yang optimum bagi warga emas yang mengalami masalah kefunksian (*declining capacity*), dan kumpulan yang mengekalkan maruah dan digniti warga emas yang terlantar atau bergantung sepenuhnya kepada orang

lain (*significant loss of capacity*). Kecenderungan warga tua untuk terlibat dengan pengurangan keupayaan pendengaran, penglihatan, kurang daya tahan, pereputan tulang dan pelbagai lagi penyakit akibat dari sel tubuh yang semakin lemah. Justeru bukan sahaja warga tua yang perlu bersedia mendepani situasi ini, malah ia melibatkan semua yang berada disekitarnya sama ada keluarga terdekat, ahli masyarakat, pasukan perubatan, kerajaan tempatan dan juga kerajaan pusat. Kesemua perkara ini melibatkan tenaga, masa dan juga kos yang perlu diberi perhatian (Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas Negara, 2023-2030).

Tindakan Kerajaan Negeri


Berdasarkan kepada pelan tindakan kerajaan pusat bagi memastikan golongan warga emas adalah golongan yang kekal terpelihara dan tidak disisihkan peranan dan kefungsiannya kepada pembangunan negeri dan negara. Tanggungjawab besar kepada pihak kerajaan negeri dan semua agensi pelaksana tempatan untuk mengambil cakna akan perihal fenomena “Negara Menua” ini. Tindakan komprehensif kerajaan negeri perlulah mencakupi ekonomi, sosial, pendidikan, kesihatan, keagamaan dan politik selari dengan keperluan warga tua dan masyarakat keseluruhannya bagi mencapai kehidupan yang sejahtera sekaligus menyokong pembinaan “Bandar Mesra Warga Emas” seperti yang disuarakan oleh WHO.

Fokus	Cadangan Idea	Tindakan
Ekonomi	Program Latihan & Keusahawanan: Mewujudkan pusat latihan kemahiran khusus untuk warga emas bagi menggalakkan aktiviti ekonomi yang produktif, seperti perusahaan kraf tangan, aktiviti pertanian bandar atau mini, penternakan dan aktiviti lain yang bersesuaian dengan persekitaran. Program Pekerjaan Fleksibel: Kerajaan negeri boleh menggalakkan sektor swasta di negeri Perlis untuk menawarkan peluang pekerjaan separuh masa atau kerja sukarela yang sesuai dengan kemampuan fizikal warga emas.	Jabatan Pembangunan Ekonomi, Jabatan Pertanian, JKKK Agensi swasta
Sosial	Pembangunan Infrastruktur: Menaik taraf kemudahan awam sedia ada (seperti taman rekreasi, laluan pejalan kaki, dan pengangkutan awam) agar menepati piawaian "Bandar Mesra Warga Emas" yang mesra mobiliti warga emas. Pusat Jagaan dan Pusat Aktiviti: Membina atau memperbanyakkan pusat jagaan warga emas berbayar dengan kadar kemampuan masyarakat serta pusat aktiviti harian yang berfungsi sebagai pusat interaksi sosial bagi mengelakkan golongan ini rasa tersisih dan kesunyian. Sistem Sokongan Komuniti: Diperkukuhkan peranan pertubuhan sukarela (NGO) dan komuniti setempat dalam menyediakan sistem sokongan sosial, terutama bagi warga emas yang tinggal bersendirian akibat migrasi golongan muda ke luar negeri. Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE): Mengaktifkan PAWE dengan mempelbagaikan lagi aktiviti secara	Pusat Berkuasa Tempatan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pihak swasta Pihak swasta dan badan NGO

	berterusan bagi meransang minda kreatif dikalangan warga tua. Sistem Sokongan "Befriender": Melatih sukarelawan atau belia untuk menjadi "sahabat" kepada warga emas, terutama mereka yang tinggal bersendirian. Ini termasuk lawatan berkala ke rumah atau panggilan telefon bagi mengurangkan rasa sunyi. Projek Perintis Rumah Warga Emas Mandiri: Menyediakan inisiatif rumah kediaman yang selesa namun tetap membolehkan mereka berdikari dalam persekitaran yang selamat.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Belia, JKKK dan sukarelawan MAIPs, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat
Kesihatan	Pusat Kesihatan Bersepadu: Meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan kesihatan di hospital dan klinik kerajaan. Menyediakan fasiliti rawatan yang mesra warga tua serta pakar geriatrik yang lebih ramai di negeri Perlis. Klinik Bergerak & Saringan Kesihatan: Membawa perkhidmatan kesihatan terus ke pintu rumah warga emas atau ke pusat komuniti bagi memastikan mereka yang mempunyai masalah mobiliti tidak tercicir daripada sistem penjagaan kesihatan. Program Penuaan Aktif: Melancarkan program kesedaran kesihatan berkala (fizikal, mental, dan emosi) di peringkat komuniti bagi memastikan warga emas dapat menjalani kehidupan yang sihat dan produktif sepanjang hayat tanpa rasa terpinggir. Skim Peduli Kesihatan (PeKa B40): Mempromosikan dengan lebih aktif dan berskala besar tentang kewujudan inisiatif kerajaan pusat yang membantu warga emas berpendapatan rendah mendapatkan saringan kesihatan, yang secara tidak langsung membantu mereka kekal sihat dan berupaya bergaul dengan komuniti.	Jabatan Kesihatan, MAIPs, swasta dan NGO

Pendidikan	Kempen Kesedaran Awam: Melancarkan kempen pendidikan awam mengenai fenomena "Negara Menua" bagi meningkatkan kefahaman seluruh lapisan masyarakat tentang kepentingan mempersiapkan diri menghadapi fenomena "Negara Menua" dan merancang masa depan melalui persediaan kukuh dari segi pengurusan kewangan. Program Memperkukuhkan Institusi Keluarga dan Komuniti Merentasi Generasi: Mengadakan lebih banyak aktiviti komuniti yang menggabungkan golongan muda dan warga emas bagi memastikan budaya hormat-menghormati dikekalkan serta membolehkan pemindahan ilmu dan pengalaman daripada warga emas kepada generasi muda.	Jabatan Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Jabatan Perpaduan, JKKK dan semua agensi
Politik	Pemeriksaan Jawatankuasa Warga Emas: Mengaktifkan atau mengukuhkan Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas di peringkat negeri untuk memantau pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) secara lebih efektif di Perlis. Penyelidikan Berterusan: Menjadikan dapatan kajian kependudukan sebagai asas rujukan dalam penggubalan polisi negeri agar setiap tindakan yang diambil adalah berasaskan data yang tepat dan memenuhi keperluan semasa.	Keseluruhan pentadbiran kerajaan negeri. Institusi Pengajian Tinggi
Keagamaan dan Moral	Pendekatan Kerohanian & Psikologi: Menyediakan akses kepada sokongan emosi dan kaunseling di peringkat komuniti untuk membantu warga emas menghadapi fasa kehilangan (seperti kematian pasangan) dengan lebih baik.	JAIPs, MAIPs, Institusi Pengajian Tinggi

Kesemua pelan tindakan dan cadangan idea yang disenaraikan di atas adalah selari dengan pelan tindakan di peringkat global yang menyeru kepada penuaan sihat berdasarkan kepada empat strategi utama yang telah digariskan oleh WHO.



Gambar rajah 10.5. Strategi global dan pelan tindakan terhadap warga tua yang digariskan oleh WHO. (Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas Negara, 2023-2030).

KESIMPULAN

Perlis berada di situasi kekurangan penduduk berdasarkan Kajian Migrasi oleh Jabatan Perangkaan Perlis. Walaupun terdapat kemasukan pelajar ke institusi-institusi pendidikan di Perlis, namun ini tidak membawa kepada pertambahan populasi. Dalam tempoh masa 2009-2010, terdapat kira-kira 1,700 orang penduduk berhijrah keluar dari Perlis dan penghijrahan masuk pula cuma 1,500 orang. Perkara ini mengakibatkan kadar bersih migrasi keluar ialah seorang bagi setiap 1,000 populasi penduduk. Hal ini mungkin disebabkan oleh pelajar "pindah masuk" kerana melanjutkan pelajaran mereka dan "pindah keluar" selepas tamat pengajian. Mereka ini tidak menetap di Perlis bagi tujuan mencari peluang pekerjaan yang lebih banyak di kawasan bandar-bandar besar.

Namun, apabila membandingkan taburan umur populasi pada dua tahun bancian iaitu antara tahun 2000 dan 2010, berlaku peningkatan populasi golongan muda. Kebanyakan mereka terdiri daripada pelajar-pelajar yang menuntut di institusi pengajian tinggi. Kumpulan umur "15-19 tahun" meningkat sebanyak 4.2% pada kadar tahunan. Walau bagaimanapun, populasi pada kumpulan umur "30-39 tahun" berkurangan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu. Kajian Kementerian Sumber Manusia menunjukkan bahawa Perlis merupakan negeri yang menawarkan gaji paling rendah di seluruh Malaysia. Penggajian yang rendah merupakan antara faktor utama bagi migrasi ekonomi. Jika aliran keluar ini dibiarkan berterusan, nescaya negeri Perlis akan terus kehilangan tenaga mahir dan bakat yang bakal menyumbang kepada transformasi ekonomi negeri.

Populasi berumur 65 tahun dan ke atas terus bertambah antara tahun 2000 dan 2010. Kadar populasi tua telah meningkat daripada 10% kepada 11%. Kumpulan umur ini pula tidak menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri. Sebaliknya, kerajaan Perlis harus membekalkan perkhidmatan kesihatan dan sokongan sosial kepada mereka dengan menambah baik infrastruktur awam, perkhidmatan kesihatan dan mengubah landskap pembangunan rancak kepada pengurusan warga tua secara efisien. Oleh itu amat perlu kajian berterusan bagi tujuan semak dan seimbangkan segala keperluan agar kemajuan pembangunan negeri terus pesat dan dalam masa yang sama, golongan warga emas tidak dipinggirkan. Malah merancang strategi lebih cekap agar dapat mengguna pakai warga emas dalam kemahiran-kemahiran lain seperti sumbang bakti sosial, mempergiat aktiviti pertanian berskala kecil, memajukan industri kecil dan banyak lagi melalui gabungan tenaga kerja

mampan yang terdiri dari golongan muda dan tenaga kerja berpengalaman dari golongan warga tua.

RUJUKAN

- Ageing in the Twenty-First Century: A Celebration and A Challenge Published by the United Nations Population Fund (UNFPA), New York, and HelpAge International, London. 2012.
- Economic and Social Survey of Asia and The Pacific (ESCAP), United Nation Publication. 2022.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Ekonomi. *Anggaran Penduduk Semasa Malaysia 2025*. Julai 2025.
- Journal of Advances in Medicine and Medical Research, Oktober 2025. *A Mixed-Method Study Protocol on Financing Health in an Ageing Nation: Developing a Healthcare Sustainability Index for Pensioned and Non-Pensioned Military Veterans in Malaysia*, Aida Jaffar, Ambigga s.krishnapillai, Rayyan Cheong Tian Ming, Umami Munirah Syuhada Mohamad Zan.
- Muhamad Khairul Ismail & Suresh Kumar N Vellymalay, *E-Bangi, Journal of Social Science and Humanities*, Pesara dan Dorongan Berniaga Selepas Besara: Minat Atau Keperluan?. 2018
- Nur Zulfah Md Abdul Salam, Nor 'Adha Ab Hamid, Mohd Farok Mat Nor, *Isu Global Penuaan Populasi Penduduk Dunia: Persediaan Malaysia Menuju Negara Tua*, Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022) – Dalam Talian 22 & 23 Jun 2022 (eISSN 2811-4051).
- Nurvidya Arifin & Aris Ananta. (2009). Older Persons in Southeast Asia: An Emerging Asset. Institute of Southeast Asian Studies. Singapura.
- Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas Negara, 2023-2030, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2023.
- Portal Rasmi, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, 2025.
- Profesor Dr. Rozanah Ab. Rahman merupakan pakar perundangan di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia. *Jaminan Kesejahteraan Warga Emas Dalam Perundangan Malaysia*. BERNAMA, 6 April 2022
- Richard A. Krueger, Mary Anne Casey, *Handbook of Practical Program Evaluation*, Fourth. 2015.
- The Malaysia Journal of Social Administration, 20 (1), 28-41.28. Mendepani Cabaran Negara Menua dan Warga Emas Aktif: Satu Alternatif. Siti Nor Awang, Nikmatul Adha Nordin, Rosilawati Zainol, Faizah Ahmad & Atikah Razali. United Nation. First World Assembly on Ageing, 26 July-6 August 1982, Conference Ageing, Vienna.
- World Health Organization. (2011). Global health and ageing. Geneva: WHO.
- World Health Organization. (2011). *Global Health and Ageing*. World Health Organization.
- World Health Organization. (2015). *World report on ageing and health*. World Health Organization.
- Zarina Binti Saad, Tesis Ijazah Kedoktoran, USM, *Pengaruh Kecerdasan Emosi dan Kecerdasan Spiritual Ke atas Warga Emas di Perlis, Malaysia*, 2010. Penerbit USM.